



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BELURAN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

13 November 2018

Kenyataan Media Berhubung Prosiding PAC Parlimen Berkaitan Syarikat 1MDB (1Malaysia Development Berhad).

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen bersetuju sebulat suara bagi mengadakan prosiding berhubung Laporan Pengauditan 1MDB (1Malaysia Development Berhad) oleh Jabatan Audit Negara (JAN) yang dibentangkan kepada PAC Parlimen ke 13 pada Mac 2016.
- 2) PAC Parlimen juga sudah mendapat pandangan daripada Peguam Negara bagi mengadakan prosiding ini, dan ia tidak akan mengganggu kes pendakwaan 1MDB yang akan berlangsung di mahkamah.
- 3) Dalam prosiding ini, PAC Parlimen akan menyiasat sama ada wujud sebarang kekangan dan halangan yang dihadapi JAN dalam melaksanakan pengauditan terhadap syarikat 1MDB selain jika terdapat sebarang ubah suai terhadap fakta serta maklumat dalam Laporan Pengauditan 1MDB berkenaan sebelum dibentangkan kepada PAC Parlimen ke 13.
- 4) Berikutan itu, PAC Parlimen akan memulakan prosiding ini, pada minggu pertama Disember 2018 dengan memanggil Mantan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang sebagai saksi pertama.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Pengerusi PAC Parlimen